From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: BIG TULIP SUMMIT 2026 PERKUKUH KEPIMPINAN STRATEGIK WANITA, CETUS TRANSFORMASI ORGANISASI
Date: Friday, 11 September, 2026 9:51:24 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia


UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

11 SEPTEMBER 2026 / 29 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Mohd Fuad Hamid

BIG TULIP SUMMIT 2026 PERKUKUH KEPIMPINAN STRATEGIK WANITA, CETUS TRANSFORMASI ORGANISASI



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - "Kepimpinan yang sebenar bukan sekadar berkaitan jawatan, kuasa atau pencapaian, sebaliknya diterjemahkan melalui keupayaan mencipta impak, membina kepercayaan serta melahirkan pemimpin baharu," demikian kata Dato' Sharifah Shareen Al Manshoor pada OYAGSB Big Tulip Summit 2026 di sini, semalam.

Berteraskan tema *"CatalystHER: Empowering Strategic Leadership for Business and Society",* persidangan anjuran Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Universiti Utara Malaysia (UUM) itu menjadi platform menghimpunkan pemimpin, golongan profesional, penggubal dasar serta tokoh industri bagi memperkukuh keupayaan kepimpinan dan memperluas jaringan strategik dalam dunia perniagaan serta masyarakat.

Dalam ucapan Pengarah, The Lov Penang Hotel dan Ahli Lembaga Jawatankuasa Pembangunan Asnaf di bawah Zakat Selangor itu, menurutnya, kepimpinan strategik perlu bergerak melangkaui keupayaan menangani cabaran semasa dengan menuntut pemimpin mempunyai keupayaan melihat gambaran lebih luas, menjangka perubahan, mengenal pasti peluang serta membuat keputusan dengan hala tuju yang jelas.



“Pemimpin yang baik bertindak terhadap apa yang berlaku hari ini, manakala pemimpin strategik bersedia menghadapi apa yang bakal berlaku esok.

“Visi semata-mata tidak akan mengubah sesebuah organisasi. Strategi yang hanya tertulis di atas kertas juga tidak akan mencipta kemajuan. Kepimpinan menjadi bermakna apabila idea diterjemahkan kepada keputusan, keputusan kepada tindakan dan tindakan menghasilkan impak positif kepada manusia serta organisasi,” katanya.

Menurutnya, empat objektif utama persidangan iaitu memperkukuhkan pemikiran strategik dan keupayaan kepimpinan, membina daya tahan serta kebolehsuaian, mempromosikan kepelbagaian dan keterangkuman dalam kepimpinan serta memacu transformasi organisasi merupakan elemen penting dalam membentuk kepimpinan yang relevan dengan tuntutan semasa.

Dalam aspek kepelbagaian dan keterangkuman, beliau menegaskan bahawa mempunyai individu daripada latar belakang berbeza dalam sesebuah organisasi sahaja tidak memadai sekiranya pandangan dan suara mereka tidak diberikan ruang untuk didengar.



“Kepelbagaian membawa pengalaman dan perspektif yang berbeza, manakala keterangkuman memastikan perspektif itu mempunyai

ruang untuk menyumbang.

“Antara tanda kepimpinan yang paling kukuh ialah keupayaan membangunkan pemimpin lain,” katanya.

Sharifah Shareen berkata, perkara itu amat signifikan dalam konteks kepimpinan wanita kerana kemajuan seseorang wanita mampu membuka peluang kepada wanita lain untuk turut berkembang, sekali gus menjadikan kemajuan lebih inklusif dan mampan.

Menurutnya, menyokong kepimpinan wanita juga tidak harus dilihat sebagai persaingan antara wanita dan lelaki, sebaliknya sebagai usaha memperkukuh organisasi dengan memastikan bakat dan keupayaan setiap individu dapat dimanfaatkan sepenuhnya.



“Organisasi yang kukuh mendapat manfaat apabila individu berkemampuan diberikan ruang untuk menyumbang. Keputusan yang baik terhasil apabila bakat diiktiraf dan pemimpin memahami bahawa kemajuan menjadi lebih bermakna apabila dikongsi,” katanya.

Sementara itu, aspek daya tahan dan kebolehsuaian turut diberi penekanan memandangkan pemimpin sentiasa berdepan ketidaktentuan, perubahan dan keadaan di luar jangkaan.

Katatnya, daya tahan bukan bermaksud mengabaikan kesukaran, tetapi mempunyai keupayaan untuk bertindak dengan jelas, belajar daripada pengalaman, membuat penyesuaian dan terus bergerak ke hadapan.



“Bagi wanita dalam kepimpinan, daya tahan mempunyai makna yang amat besar kerana ramai wanita terus mengimbangi tanggungjawab profesional dengan tuntutan keluarga, komuniti dan masyarakat. Bagi mereka, daya tahan bukan sekadar konsep kepimpinan, tetapi sesuatu yang diamalkan setiap hari,” katanya.

Dalam pada itu, transformasi organisasi pula tidak semestinya bermula dengan perubahan yang besar dan dramatik, sebaliknya boleh tercetus daripada satu keputusan yang lebih baik, satu perbualan yang berani atau satu peluang yang diberikan kepada individu yang sebelum ini tidak diberi perhatian.

“Perubahan kecil yang dilakukan secara konsisten mampu menghasilkan perubahan yang bermakna. Transformasi bermula dengan pilihan pemimpin dan menjadi mampan apabila amalan yang lebih baik menjadi sebahagian daripada budaya organisasi,” katanya.



Menggunakan simbolik bunga tulip sebagai gambaran kepimpinan, Sharifah Shareen berkata, bunga berkenaan tidak tumbuh dalam sekelip mata kerana pertumbuhannya bermula daripada akar yang kukuh, persekitaran yang sesuai, kesabaran, penjagaan dan ketekunan.

Begitu juga kepimpinan, katanya, yang terbentuk melalui proses pembelajaran, penyesuaian, pengalaman, kesediaan mendengar serta keberanian membuat keputusan sukar.

“Pemimpin tidak perlu mengecilkan orang lain untuk mencapai kejayaan. Kita boleh berkembang sambil membantu orang lain berkembang, memimpin sambil menyediakan ruang untuk orang lain memimpin dan berjaya sambil memastikan kejayaan itu menyumbang kepada sesuatu yang lebih besar daripada diri sendiri,” katanya.

Beliau turut berharap Big Tulip Summit 2026 bukan sekadar menjadi medan pertemuan pemimpin, tetapi mampu mencetuskan idea baharu, membina jaringan kerjasama serta melahirkan lebih ramai pemimpin yang membawa perubahan positif kepada organisasi dan komuniti.



“Jangan biarkan nilai dan perbincangan summit ini berakhir hari ini. Biarlah perbincangan mempengaruhi cara kita memimpin, hubungan menjadi peluang untuk kerjasama dan pengajaran yang diperoleh memperkukuh organisasi serta komuniti yang kita khidmati.

“Kepimpinan tidak seharusnya berakhir dengan inspirasi semata-mata. Inspirasi akhirnya mesti diterjemahkan kepada tindakan,” katanya.

Persidangan diteruskan dengan sesi ucaptama oleh Pengerusi Manaf Gardners Associates (MGA), Datuk (Dr.) Nora Manaf, bertajuk *“Women in Strategic Leadership: Driving Resilience and Transforming Business and Society”.*

Kira-kira 200 peserta menyertai program yang turut menampilkan dua sesi forum bagi membincangkan aspek kepimpinan, tujuan organisasi serta kepelbagaian dalam kepimpinan.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.